##### **Larangan mengadakan kolam renang persendirian tanpa lesen**

4. (1) Tiada seorang pun boleh mengendalikan kolam renang persendirian tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Melesen di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(2) Tiada seorang pun boleh menguruskan kolam renang persendirian melainkan jika kolam renang persendirian itu ialah suatu kolam renang persendirian berlesen.

(3) Bagi maksud Undang-Undang Kecil ini—

(a) seseorang yang merupakan pemunya, penerima pajak, penyewa utama, penghuni atau pengurus mana-mana premis yang digunakan sebagai kolam renang persendirian hendaklah, melainkan jika dibuktikan sebaliknya, disifatkan sebagai mengendalikan kolam renang persendirian itu; dan

(b) mana-mana orang yang pada masa itu terlibat dalam pengurusan atau mengawal kolam renang persendirian itu hendaklah, melainkan jika dibuktikan sebaliknya, disifatkan sebagai menguruskan kolam renang persendirian itu.

(4) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (1) atau (2) adalah melakukan suatu kesalahan.

##### **Permohonan lesen kolam renang persendirian**

5. (1) Suatu permohonan untuk mendapatkan suatu lesen hendaklah dibuat secara bertulis melalui borang atau apa-apa cara yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Suatu permohonan hendaklah memenuhi syarat dan sekatan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen dari semasa ke semasa termasuklah—

- (a) mengadakan anggota penyelamat yang bertauliah;
- (b) mengadakan pelampung yang mencukupi dan bagi kelas renang, jumlah pelampung hendaklah disediakan bersamaan dengan jumlah pelajar yang berada di dalam kolam pada satu-satu masa;
- (c) mengadakan peti rawatan pertolongan cemas;
- (d) mengadakan papan tanda yang mencukupi; dan
- (e) memastikan air kolam berada di dalam keadaan bersih dan selamat untuk digunakan.

(3) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengarahkan mana-mana pemohon supaya hadir sendiri, atau dalam hal suatu perbadanan atau firma, oleh seorang pengarah, pekerja atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh perbadanan atau firma tersebut semasa permohonan dibuat.

(4) Suatu permohonan di bawah perenggan (1) hendaklah disertakan dengan apa-apa dokumen atau maklumat sebagaimana yang ditetapkan dan Pihak Berkuasa Melesen boleh pada bila-bila masa selepas menerima permohonan itu dan sebelum permohonan itu diputuskan secara bertulis menghendaki pemohon dalam masa yang ditetapkan, memberi apa-apa dokumen atau maklumat tambahan sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(5) Jika apa-apa dokumen atau maklumat tambahan yang dikehendaki di bawah perenggan (4) tidak diberikan oleh pemohon dalam masa yang ditetapkan atau apa-apa perlanjutannya yang diberi oleh Pihak Berkuasa Melesen, permohonan itu hendaklah disifatkan ditarik balik dan tidak boleh diteruskan lagi, tanpa menjelaskan permohonan baru yang dibuat oleh pemohon.

(6) Pemohon hendaklah membuat pembayaran fi pemprosesan seperti yang ditetapkan di dalam Jadual Pertama semasa permohonan dikemukakan dan fi pemprosesan tidak akan dikembalikan sama ada permohonan diluluskan atau tidak diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(7) Apabila permohonan itu diluluskan, Pihak Berkuasa Melesen hendaklah memberikan lesen yang tertakluk kepada—

- (a) pembayaran deposit seperti jumlah yang ditetapkan oleh Majlis sebagai jaminan untuk memastikan bahawa peruntukan Undang-Undang Kecil ini dan syarat lesen dipatuhi;
- (b) pembayaran apa-apa fi yang ditetapkan dalam Jadual Kedua; dan
- (c) apa-apa syarat atau sekatan yang dinyatakan di dalamnya.

(8) Pemegang lesen hendaklah mematuhi semua syarat dan sekatan yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen di bawah subperenggan (7)(c).

(9) Mana-mana pemegang lesen yang gagal mematuhi perenggan (8) adalah melakukan suatu kesalahan.

**Fi tidak boleh dibayar balik**

6. Fi lesen yang telah dibayar di bawah Undang-Undang Kecil ini tidak boleh dikembalikan.

**Deposit**

7. (1) Pihak Berkuasa Melesen boleh, sebelum memberikan sesuatu lesen di bawah Undang-Undang Kecil ini, mengkehendaki mana-mana pemohon membayar deposit tidak melebihi sepuluh ribu ringgit, dalam bentuk yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Melesen bagi memastikan apa-apa syarat atau sekatan lesen itu dan peruntukan di bawah Undang-Undang Kecil ini dipatuhi dengan sewajarnya.

(2) Pihak Berkuasa Melesen boleh selepas memberi pemegang lesen peluang untuk didengar, melucutahkan deposit sepenuhnya atau sebahagian daripadanya sekiranya Pihak Berkuasa Melesen berpuashati bahawa terdapatnya perlanggaran syarat atau sekatan lesen atau pelanggaran mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

(3) Lesen hendaklah digantung menurut perenggan 12(1) apabila deposit dilucutahkan sepenuhnya atau sebahagian daripadanya, melainkan dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Melesen dengan permohonan dari pemegang lesen untuk meneruskan lesen di bawah perenggan (4) dan tertakluk kepada pembayaran semula atau penambahan semula deposit.

(4) Pemegang lesen boleh membuat permohonan untuk meneruskan lesen dalam tempoh empat belas hari dari tarikh pelucutahkan deposit dan sekiranya tiada permohonan untuk meneruskan lesen dibuat dalam tempoh tersebut, lesen hendaklah terbatal secara sendirinya.

(5) Pembayaran deposit di bawah subperenggan 5(7)(a) hendaklah, melainkan dilucutahkan menurut perenggan (2), dikembalikan kepada pemegang lesen selepas pemegang lesen menamatkan pengendalian kolam renang persendirian berlesen dan selepas penyerahan balik lesen kepada Pihak Berkuasa Melesen sekiranya lesen itu tidak tamat.

**Tempoh sah lesen**

8. Sesuatu lesen jika tidak digantung atau dibatalkan terlebih dahulu, hendaklah terus berkuat kuasa dari tarikh pembayaran fi lesen mengikut tempoh yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melesen tidak melebihi tiga tahun.

**Pembaharuan lesen**

9. (1) Suatu permohonan memperbaharui lesen boleh dibuat kepada Pihak Berkuasa Melesen dalam masa tiga bulan sebelum tamat tempoh lesen dengan bayaran fi seperimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(2) Pihak Berkuasa Melesen boleh menghendaki pemohon memberi apa-apa dokumen atau maklumat tambahan yang difikirkan perlu semasa permohonan dibuat.

(3) Pihak Berkuasa Melesen boleh memperbaharui lesen itu atau enggan memperbaharui lesen itu dan hendaklah memberitahu pemohon secara bertulis mengenai keputusannya itu.

(4) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengkehendaki pemohon untuk menyelesaikan semua bayaran tertunggak termasuk kompaun kepada pihak Majlis sebelum meluluskan permohonan tersebut.

(5) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengenakan syarat baru apabila suatu lesen diperbaharui.

### **Pindah milik lesen**

10. (1) Suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini tidak boleh dipindahmilik kecuali dengan kebenaran bertulis Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Permohonan untuk memindah milik lesen hendaklah dibuat mengikut apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(3) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengkehendaki pemegang lesen memberi apa-apa dokumen atau maklumat tambahan sebagaimana yang didapati perlu semasa permohonan dibuat.

(4) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengarahkan mana-mana pemegang lesen supaya hadir sendiri atau dalam hal suatu perbadanan atau firma, oleh seorang pengarah, pekerja atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh perbadanan atau firma tersebut, semasa permohonan dibuat.

(5) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengkehendaki pemegang lesen untuk menyelesaikan semua bayaran tertunggak kepada pihak Majlis sebelum meluluskan permohonan tersebut.

(6) Bayaran pindah milik lesen hendaklah sebanyak dua puluh peratus daripada bayaran lesen yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(7) Mana-mana pemegang lesen yang membuat permohonan pindah milik lesen hendaklah membuat pembayaran fi pemprosesan seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama dan ianya tidak akan dikembalikan.

(8) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

**Lesen hendaklah dipamerkan dan dikemukakan**

11. (1) Seorang pemegang lesen hendaklah mempamerkan lesen pada sepanjang masa di suatu tempat yang mudah dilihat di dalam kolam renang persendirian berlesen dan hendaklah mengemukakannya sekiranya dikehendaki berbuat demikian oleh Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa.

(2) Seorang pemegang lesen yang gagal untuk mempamer atau mengemukakan lesen di bawah perenggan (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan bolehlah dikenakan hukuman denda yang tidak melebihi lima ratus ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(3) Bagi maksud Undang-Undang Kecil ini, sebutan tentang sesuatu “lesen” hendaklah termasuk salinan lesen itu yang diperakui oleh Pihak Berkuasa Melesen sebagai salinan sebenar lesen itu dan salinan lesen yang diperakui hanya boleh dikeluarkan tertakluk kepada kadar bayaran dalam Jadual Pertama.

**Pengantungan lesen**

12. (1) Pihak Berkuasa Melesen hendaklah menggantung sesuatu lesen itu sementara menunggu keputusan dibuat di bawah perenggan 13(2) atau apabila deposit dilucuthakkan mengikut perenggan 7(2).

(2) Pemegang lesen hendaklah menghentikan dengan serta merta operasi apa-apa aktiviti di kolam renang persendirian yang telah digantung lesennya.

(3) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengambil tindakan di bawah undang-undang kecil 33 jika pemegang lesen gagal untuk memberhentikan operasi apa-apa aktiviti di kolam renang persendirian di bawah perenggan (2).

(4) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (2) adalah melakukan suatu kesalahan.

**Pembatalan lesen**

13. (1) Pihak Berkuasa Melesen boleh membatalkan sesuatu lesen yang diberikan jika berpuas hati bahawa—

- (a) pemegang lesen itu melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini atau gagal mematuhi apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan ke atasnya;
- (b) pemegang lesen itu telah sama ada berkaitan dengan permohonan lesen itu atau pada bila-bila masa selepas pemberian lesen, memberi kepada Pihak Berkuasa Melesen, dokumen atau perisytiharan yang palsu, mengelirukan atau tidak tepat;
- (c) pemegang lesen itu menjalankan apa-apa aktiviti yang boleh memudaratkan kepentingan awam atau ekonomi;

- (d) pemegang lesen itu telah tidak menjalankan atau menguruskan suatu kolam renang persendirian yang dilesenkan selama tempoh enam bulan berturut-turut atau telah berhenti menjalankan atau menguruskan suatu kolam renang persendirian yang dilesenkan;
- (e) suatu perintah penggulungan telah dibuat terhadap pemegang lesen atau satu ketetapan bagi penggulungan sukarelanya telah diluluskan;
- (f) pemegang lesen itu telah disabitkan atas apa-apa kesalahan yang melibatkan rasuah, fraud atau pecah amanah; atau
- (g) pemegang lesen itu telah disabitkan atas apa-apa kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(2) Sebelum membatalkan sesuatu lesen, Pihak Berkuasa Melesen hendaklah memberikan kepada pemegang lesen itu notis bertulis mengenai niatnya untuk berbuat sedemikian dan mengkehendaki pemegang lesen itu mengemukakan representasi secara bertulis dalam tempoh tujuh hari dari tarikh notis itu sebab lesen itu tidak patut dibatalkan.

(3) Jika Pihak Berkuasa Melesen memutuskan untuk membatalkan lesen tersebut selepas pemegang lesen mengemukakan representasi dan Pihak Berkuasa Melesen tidak berpuashati dengan representasi yang diberikan atau jika pemegang lesen gagal untuk mengemukakan representasi dalam masa yang ditetapkan, Pihak Berkuasa Melesen hendaklah memberitahu pemegang lesen secara bertulis mengenai keputusannya itu dalam tempoh empat belas hari dari tarikh keputusan dibuat.

(4) Pembatalan suatu lesen hendaklah mula berkuat kuasa apabila habisnya tempoh empat belas hari dari tarikh notis pembatalan itu disampaikan kepada pemegang lesen.

(5) Jika suatu lesen telah dibatalkan di bawah perenggan (3), pemegang lesen yang lesennya dibatalkan hendaklah menghentikan dengan serta-merta operasi apa-apa aktiviti di kolam renang persendirian. Pihak Berkuasa Melesen boleh mengambil tindakan di bawah undang-undang kecil 33 jika pemegang lesen gagal untuk memberhentikan operasi apa-apa aktiviti di kolam renang persendirian.

(6) Jika pembatalan suatu lesen telah mula berkuat kuasa, Pihak Berkuasa Melesen hendaklah seberapa segera—

- (a) menyampaikan suatu salinan notis pembatalan lesen kepada pemegang lesen atau orang yang mengurus dan mengawal kolam renang persendirian yang dilesenkan; atau
- (b) menampal suatu salinan notis pembatalan lesen pada tempat yang mudah dilihat di kolam renang persendirian yang dilesenkan.

(7) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (5) adalah melakukan suatu kesalahan.

**Penyerahan balik lesen**

14. (1) Pemegang lesen atas apa-apa sebab yang munasabah boleh menyerah balik lesennya berserta dengan suatu notis bertulis mengenai penyerahan balik dan lesen tersebut hendaklah dibatalkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Penyerahan balik lesen itu hendaklah berkuat kuasa pada tarikh Pihak Berkuasa Melesen menerima lesen dan notis itu di bawah perenggan (1). Pemegang lesen hendaklah menghentikan dengan serta-merta operasi apa-apa aktiviti di kolam renang persendirian pada tarikh penyerahan balik lesen itu berkuatkuasa.

(3) Pemegang lesen itu hendaklah tidak lewat daripada empat belas hari selepas tarikh penyerahan balik lesen tersebut menampal satu notis sedemikian di tempat yang mudah dilihat di premis berlesen tersebut.

(4) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengambil tindakan di bawah undang-undang kecil 33 jika pemegang lesen gagal untuk memberhentikan operasi apa-apa aktiviti di kolam renang persendirian di bawah perenggan (2).

(5) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (2) atau (3) adalah melakukan suatu kesalahan.

**Mengembalikan lesen disebabkan pembatalan atau penggantungan, dsb.**

15. (1) Jika terdapat pembatalan lesen di bawah undang-undang kecil 13 atau penggantungan lesen di bawah undang-undang kecil 12, pemegang lesen itu hendaklah dalam masa empat belas hari mengembalikan lesen asal tersebut kepada Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

**BAHAGIAN IV****LARANGAN****Larangan ketika memasuki kawasan atau menggunakan kolam renang**

16. (1) Mana-mana orang yang memasuki kawasan atau menggunakan mana-mana kolam renang hendaklah—

- (a) memakai pakaian renang yang sesuai;
- (b) tidak memasuki kolam renang tanpa terlebih dahulu mandi air pancur dan menggunakan tempat membasuh kaki di kolam;
- (c) tidak meludah, merokok, makan dan minum;

- (d) tidak membawa sebarang minuman keras atau berada dalam keadaan mabuk;
  - (e) tidak memasuki kolam renang sewaktu berada dalam keadaan dijangkiti kutu atau menghidapi atau disyaki menghidap apa-apa penyakit kulit, penyakit berjangkit atau menular;
  - (f) tidak mencampakkan, menumpahkan atau menggunakan apa-apa sabun atau apa-apa bahan atau persediaan yang mengakibatkan air di dalam kolam renang itu menjadi keruh atau tidak sesuai untuk digunakan oleh mana-mana orang yang mandi atau dengan cara lain, sengaja mengotori atau mencemar kolam renang;
  - (g) tidak mencampakkan apa-apa barang ke dalam kolam renang;
  - (h) tidak membawa apa-apa binatang peliharaan;
  - (i) tidak secara sengaja mengotori atau mencemari mana-mana kemudahan kolam renang termasuklah bilik mandi, bilik tukar pakaian, almari, kotak atau ruang atau apa-apa perabot atau barang di dalamnya;
  - (j) tidak memasuki atau menggunakan mana-mana bilik tukar pakaian, almari, kotak atau ruang yang dikhaskan untuk kegunaan seseorang dari jantina yang berlainan, dengan syarat peruntukan di bawah perenggan ini tidak terpakai dalam hal seseorang kanak-kanak di bawah umur enam tahun yang ditemani oleh orang dewasa;
  - (k) tidak bergaduh, berlari, bertolak-tolak atau bermain dengan riuh;
  - (l) tidak berkelakuan tidak sopan atau mengganggu orang lain; atau
  - (m) tidak melakukan apa-apa perbuatan yang menyalahi apa-apa larangan lain yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen dari semasa ke semasa.
- (2) Kanak-kanak di bawah umur enam tahun tidak dibenarkan masuk melainkan diawasi oleh orang dewasa.
- (3) Mana-mana orang yang melanggar undang-undang kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan.

#### **Notis untuk dipamerkan**

17. (1) Pemegang lesen hendaklah mempamerkan secara berterusan peruntukan undang-undang kecil 16 dalam bentuk notis yang ditulis dalam bahasa kebangsaan dan Inggeris di tempat yang mudah dilihat dan berdekatan dengan kolam renang itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

**Mengguna dan menjaga kemudahan kolam renang**

18. (1) Mana-mana orang yang memasuki atau mengunjungi kolam renang hendaklah pada setiap masa menjalankan jagaan yang sepatutnya apabila menggunakan mana-mana bilik mandi, bilik tukar pakaian, almari, kotak atau ruang atau apa-apa peralatan atau harta yang ada di dalamnya, dan tidak boleh memecah atau merosakkan apa-apa loji atau jentera atau apa-apa bahagian daripadanya.

(2) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

**Kehilangan atau kerosakan kepada harta**

19. Majlis tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas sebarang kehilangan atau kerosakan harta milik mana-mana orang yang memasuki atau mengunjungi kolam renang awam.

**BAHAGIAN V****PENGUATKUASAAN****Kuasa untuk mengawal aktiviti renang**

20. Pihak Berkuasa Melesen, pegawai kolam renang atau pegawai diberi kuasa boleh pada bila-bila masa—

- (a) menggantung aktiviti renang dan memerintahkan mana-mana orang yang mandi keluar dari kolam renang jika, pada pendapatnya, keadaan air itu adalah tidak memuaskan atau kolam renang itu penuh sesak; atau
- (b) menutup kolam atau menggantung aktiviti renang dan memerintahkan mana-mana orang yang mandi keluar dari kolam renang jika terdapat kerosakan pada lampu limpah kolam renang atau lampu biasa, loji dan perkakas, atau ketika kecemasan yang boleh mendatangkan kemudaratkan kepada keselamatan mana-mana orang yang mandi.

**Tiada pemulangan bayaran masuk atau tarikh masuk gantian**

21. Di dalam hal penggantungan aktiviti renang atau penutupan kolam renang di bawah undang-undang kecil 20, tiada pemulangan bayaran masuk boleh dibuat atau tarikh masuk gantian boleh ditawarkan, melainkan jika Pihak Berkuasa Melesen memutuskan sebaliknya dan keputusan Pihak Berkuasa Melesen adalah muktamad.

**Menyingkir dari kolam renang**

22. (1) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini boleh disingkirkan oleh pegawai kolam renang atau pegawai diberi kuasa.

(2) Di dalam hal keadaan penyingkiran dari kolam renang di bawah perenggan (1), bayaran masuk tidak boleh dikembalikan dan orang berkenaan boleh tidak dibenarkan masuk kemudiannya.

(3) Mana-mana orang yang melanggar undang-undang kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan.

**Kuasa untuk menyiasat**

23. Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa boleh menyiasat apa-apa kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

**Kuasa untuk masuk dan memeriksa**

24. (1) Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa boleh pada setiap masa yang munasabah, tanpa waran dengan tujuan untuk menentukan sama ada syarat atau sekatan sesuatu lesen atau peruntukan Undang-Undang Kecil ini dipatuhi—

- (a) memasuki mana-mana premis; dan
- (b) menjalankan apa-apa pemeriksaan di premis itu.

(2) Jika Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa ada sebab untuk mempercayai adanya berlaku suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini di mana-mana premis, maka orang yang tinggal di dalam atau menjaga tempat itu hendaklah membenarkan Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa itu masuk dengan bebas ke dalamnya, iaitu apabila diminta oleh mana-mana orang yang tersebut itu, dan memberikan segala kemudahan yang munasabah untuk menjalankan penggeledahan di dalamnya.

(3) Jika Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa tidak dapat masuk ke dalam mana-mana premis dibawah perenggan (2), maka adalah sah bagi Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa, setelah memperkenalkan dirinya dan memberitahu tujuan kemasukan itu kepada pemegang lesen atau pekerjanya, untuk memasuki ke dalam premis itu tanpa waran dan menggeledah tempat itu dan bolehlah memecahkan mana-mana pintu luar atau dalam atau tingkap supaya dapat masuk ke dalamnya.

(4) Apabila mana-mana premis yang hendak digeledah atau diperiksa di bawah Undang-Undang Kecil ini tertutup, maka pemegang lesen, pekerjaan atau orang yang menjaga premis itu, jika ada, hendaklah atas permintaan Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa membuka atau menyebabkan premis itu dibuka, dan hendaklah membenarkan pegawai itu masuk apabila diminta olehnya dan hendaklah memberi segala kemudahan yang munasabah

bagi menjalankan penggeledahan di dalamnya dan jika premis itu tidak dapat dimasuki, maka mana-mana pegawai tersebut boleh mengambil tindakan mengikut cara yang diperuntukkan oleh perenggan (3) jika dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini telah dilakukan di tempat itu.

### **Penggeledahan**

25. (1) Jika mana-mana Majistret, atas maklumat bertulis dan selepas siasatan yang difikirkannya perlu, mempunyai sebab untuk percaya bahawa—

- (a) suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini telah atau sedang dilakukan di mana-mana premis; atau
- (b) apa-apa keterangan atau benda yang perlu untuk penyiasatan apa-apa kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini boleh ditemui di mana-mana premis,

dia boleh melalui waran, membenarkan Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa yang dinamakan dalam waran itu, dengan apa-apa bantuan yang diperlukan untuk masuk dan menggeledah tempat itu.

(2) Walau apa pun perenggan (1), jika Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa ada alasan yang munasabah untuk percaya bahawa—

- (a) suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini telah atau sedang dilakukan di mana-mana premis; atau
- (b) oleh sebab apa-apa kelengahan untuk mendapatkan waran geledah tujuan penggeledahan itu mungkin akan terkecewa,

maka Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa boleh tanpa waran memasuki dan menggeledah tempat itu dan memeriksa mana-mana orang yang semunasabahnya dipercayai olehnya mempunyai kaitan dalam pengurusan premis itu.

### **Pemeriksaan orang perempuan**

26. Tiada orang perempuan boleh diperiksa di bawah undang-undang kecil 23, 24 atau 25 kecuali oleh seorang perempuan lain dan pemeriksaan itu hendaklah dijalankan dengan memberikan perhatian teliti kepada kesopanan.

### **Penyitaan**

27. (1) Pihak Berkuasa Melesen, pegawai diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor yang menjalankan kuasa di bawah undang-undang kecil 23, 24 atau 25, boleh menyita apa-apa benda yang semunasabahnya dipercayai olehnya sebagai mempunyai kaitan dengan, atau dapat memberikan keterangan tentang pelakuan sesuatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(2) Pihak Berkuasa Melesen, pegawai diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor yang menyita apa-apa benda di mana-mana premis di bawah perenggan (1) hendaklah menyediakan suatu senarai benda yang disita dan dengan segera menyerahkan suatu salinan yang ditandatangani olehnya kepada pemegang lesen, penghuni atau pemunya premis itu, atau pengkhidmat atau ejennya, yang berada di premis itu.

(3) Jika premis itu tidak berpenghuni, Pihak Berkuasa Melesen, pegawai diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor yang menyita itu hendaklah bilamana mungkin menampalkan senarai benda yang disita itu di tempat yang mudah dilihat di premis itu.

(4) Apa-apa benda yang disita di bawah Undang-Undang Kecil ini boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(5) Jika, oleh sebab jenis, saiz atau amapunnya, tidaklah praktik untuk memindahkan apa-apa benda yang disita di bawah Undang-Undang Kecil ini, Pihak Berkuasa Melesen, pegawai diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor yang menyita itu hendaklah dengan apa-apa cara menyelak benda itu dalam premis yang di dalamnya ia dijumpai atau menyelak mana-mana premis bagi maksud penyitaan premis tersebut.

(6) Mana-mana orang yang tanpa kuasa yang sah memecahkan, mengganggu atau merosakkan laluan yang disebut dalam perenggan (5) atau memindahkan apa-apa benda yang dilakukannya atau cuba berbuat demikian melakukan suatu kesalahan.

### **Pelucuthakan**

28. Semua benda yang disita di bawah Undang-Undang Kecil ini boleh dilucuthukkan.

### **Pelucuthakan jika ada pendakwaan**

29. (1) Jika ada pendakwaan yang melibatkan apa-apa benda yang disita di bawah Undang-Undang Kecil ini, maka pelucuthakan atau pelepasan mana-mana benda sedemikian hanya boleh dibuat mengikut perintah mahkamah yang dihadapannya pendakwaan itu telah diadakan.

(2) Walau apa pun perenggan (1), jika dibuktikan sehingga mahkamah berpuas hati bahawa—

- (a) suatu kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini telah dilakukan; dan
- (b) mana-mana benda ialah hal perkara bagi atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu,

mahkamah hendaklah melucuthukkan benda itu walaupun tiada seorang pun telah disabitkan atas kesalahan itu.

(3) Semua benda yang dilucuthakkan di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah diserahkan kepada Pihak Berkuasa Melesen dan hendaklah dilupuskan mengikut arahan Pihak Berkuasa Melesen itu.

#### **Pelucuthakan jika tiada pendakwaan**

30. (1) Jika tiada pendakwaan yang melibatkan apa-apa benda yang telah disita di bawah Undang-Undang Kecil ini, maka benda itu hendaklah diambil dan disifatkan telah terlucuthak apabila tamat tempoh satu bulan kalender dari tarikh penyitaannya melainkan jika suatu tuntutan telah dibuat baginya sebelum tamat tempoh itu mengikut cara yang dinyatakan dalam perenggan (2).

(2) Mana-mana orang yang mengatakan bahawa dia adalah pemunya apa-apa benda yang disita di bawah Undang-Undang Kecil ini dan bahawa benda itu tidak boleh dilucuthakkan boleh, sama ada sendiri atau melalui ejennya yang diberi kuasa secara bertulis, memberikan notis bertulis kepada Pihak Berkuasa Melesen bahawa dia menuntut benda yang disita itu.

(3) Apabila Pihak Berkuasa Melesen menerima notis di bawah perenggan (2), dia boleh mengarahkan supaya benda itu dilepaskan atau supaya perkara itu dirujuk kepada seorang Majistret.

(4) Majistret yang kepadanya rujukan dibuat di bawah perenggan (3) hendaklah mengeluarkan saman mengkehendaki—

- (a) orang yang menuntut bahawa dia adalah pemunya benda yang disita; dan
- (b) orang yang daripadanya benda itu disita,

hadir di hadapannya pada hari yang ditetapkan dalam saman itu.

(5) Pada hari yang ditetapkan di bawah perenggan (4), dan setelah dibuktikan bahawa saman telah disampaikan dengan sewajarnya kepada setiap orang yang disebut dalam subperenggan 4(a) dan 4(b), Majistret hendaklah terus memeriksa perkara itu, walaupun mana-mana orang itu tidak hadir.

(6) Jika, setelah selesai pemeriksaan yang dibuat di bawah perenggan (5) berkenaan dengan sesuatu benda, Majistret berpuas hati bahawa—

- (a) suatu kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini telah dilakukan; dan
- (b) benda itu ialah hal perkara bagi atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu,

Majistret itu hendaklah memerintahkan pelucuthakan benda itu; tetapi jika Majistret tidak berpuas hati sedemikian, dia hendaklah memerintahkan supaya benda itu dilepaskan dan diserahkan kepada orang yang pada pendapatnya berhak kepada benda itu.

**Tiada kos atau ganti rugi berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan**

31. Tiada seseorang pun boleh, dalam apa-apa prosiding di hadapan mana-mana mahkamah berkenaan dengan penyitaan apa-apa benda yang disita pada menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan di bawah Undang-Undang Kecil ini, berhak kepada kos prosiding itu atau kepada apa-apa ganti rugi atau relief lain.

**Kuasa menangkap**

32. (1) Pihak Berkuasa Melesen, pegawai diberi kuasa atau pegawai polis boleh menangkap tanpa waran seseorang yang melakukan di hadapannya atau yang dia dengan munasabah percaya telah melakukan suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini—

- (a) jika nama atau alamat orang itu tidak diketahui olehnya dan orang itu enggan memberi nama dan alamatnya; atau
- (c) jika ada sebab bagi meragukan yang nama atau alamat itu tepat.

(2) Seseorang yang ditangkap di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah ditahan dan dibawa ke hadapan Majistret dalam tempoh dua puluh empat jam melainkan jika nama dan alamatnya dapat ditentukan terlebih dahulu daripada itu.

**Kuasa untuk menutup**

33. (1) Tanpa menjelaskan perjalanan kuasa yang diberikan kepadanya di bawah undang-undang kecil 23, 24 atau 25 Pihak Berkuasa Melesen boleh, dengan serta-merta mengambil langkah yang difikirkannya perlu untuk menutup mana-mana premis jika dia berpuas hati bahawa—

- (a) telah berlaku pelanggaran mana-mana peruntukan di bawah Undang-Undang Kecil ini atau mana-mana syarat atau sekatan lesen;
- (b) penutupan itu adalah perlu atau yang bermanfaat untuk kepentingan awam; atau
- (c) lesen tersebut telah diperolehi secara tidak wajar atau menyalahi undang-undang.

(2) Pihak Berkuasa Melesen boleh menutup mana-mana premis itu jika berpuas hati bahawa premis itu tidak mempunyai lesen atau beroperasi tanpa lesen yang sah.

**Penutupan kolam renang untuk kegunaan eksklusif**

34. Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa boleh pada bila-bila masa menutup kolam renang buat sementara waktu kepada orang awam atau bahagian orang awam atau memberi kebenaran eksklusif kepada sekolah,

kelab atau pertubuhan bagi tujuan pertandingan sama ada secara percuma atau dengan bayaran dan membuat atau membenarkan dibuat bayaran masuk atau menggunakan apabila ditutup kepada orang awam.

#### **Majlis tidak bertanggungan atas kehilangan atau kerosakan**

35. Majlis atau pegawai diberi kuasa yang menguatkuasakan mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini tidak bertanggungan atas apa-apa kehilangan atau kerosakan yang berlaku akibat dari penguatkuasaan sedemikian.

#### **Halangan, dsb.**

36. Seseorang yang pada bila-bila masa menghalang, mengganggu atau menyerang Yang Dipertua, Ahli Majlis, pegawai atau pekerja Majlis pada menjalan dan melaksanakan kewajipannya atau yang membuang apa-apa tanda yang diletakkan bagi maksud menandakan sesuatu aras atau arahan yang perlu bagi menjalankan kerja adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

### **BAHAGIAN VI**

AM

#### **Penalti**

37. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan bagi kesalahan yang berterusan dilakukan setelah sabitan boleh dikenakan denda yang tidak melebihi dua ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan.

#### **Pendakwaan**

38. Suatu pendakwaan bagi mana-mana kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini tidak boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan secara bertulis daripada Pendakwa Raya.

#### **Pengkompaunan kesalahan**

39. (1) Yang Dipertua, Setiausaha, Pegawai Undang-Undang atau Penolong Pegawai Undang-Undang Majlis boleh mengkompaun mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah Undang-Undang Kecil ini dan ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaunkan dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaunkan kesalahan itu apabila dibayar kepada Majlis sejumlah wang yang tidak melebihi satu ribu

ringgit kecuali bagi kesalahan di bawah perenggan 11(1) adalah kesalahan yang boleh dikompaun dengan jumlah tidak melebihi dua ratus lima puluh ringgit bagi kesalahan itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(2) Sesuatu tawaran di bawah perenggan (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika jumlah yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Yang Dipertua, Setiausaha, Pegawai Undang-Undang atau Penolong Pengawai Undang-Undang Majlis, pendakwaan terhadap kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu telah dibuat.

(3) Jika suatu tawaran kompaun di bawah perenggan (1) telah dibuat pembayaran, tiada pendakwaan boleh dimulakan selepas itu berkenaan dengan kesalahan itu dan apa-apa benda yang disita berkaitan dengan kesalahan itu hendaklah dilepaskan, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang ditetapkan.

(4) Kesemua wang yang diterima di bawah undang-undang kecil ini hendaklah dibayar kepada kumpulan wang yang diwujudkan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubung dengan kerajaan tempatan.

### **Kuasa pegawai polis di bawah Undang-Undang Kecil ini**

40. Tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Undang-Undang Kecil ini boleh mengurangkan kuasa seseorang pegawai polis untuk menyiasat apa-apa kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

### **Pembatalan dan peruntukan peralihan**

41. (1) Undang-Undang Kecil Kolam Renang (Majlis Perbandaran Ampang Jaya) 2007 [Sel. P.U. 114/2007] dibatalkan.

(2) Apa-apa notis, perintah, kompaun, lesen atau dokumen yang dibuat atau dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil yang dibatalkan hendaklah, setakat yang notis, perintah, kompaun, lesen atau dokumen itu selaras dengan Undang-Undang Kecil ini, terus berkuat kuasa sehingga dibatalkan.

### **JADUAL PERTAMA**

#### **FI PEMPROSESAN LESEN**

[perenggan 5(6)]

(a) Borang	:	RM 5.00
(b) Kolam Renang Persendirian	:	RM50.00

## FI SALINAN LESEN DIPERAKUI

[perenggan 11(3)]

(a) Borang	:	RM 5.00
(b) Pemprosesan	:	RM50.00

## FI PINDAHMILIK LESEN

[perenggan 10(7)]

(a) Borang	:	RM 5.00
(b) Pemprosesan	:	RM50.00

## JADUAL KEDUA

## FI LESEN TAHUNAN

[subperenggan 5(7)(b), perenggan 9(1) dan 10(6)]

Kolam renang persendirian

Saiz Kolam	Fi
Kurang dari 100 meter persegi	RM500.00
Dari 100–500 meter persegi	RM1,000.00
Melebihi 500 meter persegi	RM1,500.00

Dibuat 28 Mac 2013

[MPAJ.UU/GPP/UUK/1; P.U. Sel. Am 0068/2012]

DATO' MOHAMMAD BIN YACOB  
*Yang Dipertua*  
*Majlis Perbandaran Ampang Jaya*

Disahkan 5 Julai 2013  
[P.U. Sel. Am 0068/2012]

SULIMAN BIN ABD. RAHMAN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Selangor*

---

## LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

### SWIMMING POOL (AMPANG JAYA MUNICIPAL COUNCIL) BY-LAWS 2013

---

#### ARRANGEMENT OF BY-LAWS

---

##### PART I

###### PRELIMINARY

By-laws

1. Citation, commencement and application
2. Interpretation

##### PART II

###### PUBLIC SWIMMING POOL

3. Public swimming pool

##### PART III

###### LICENCE OF PRIVATE SWIMMING POOL

4. Prohibition of private swimming pool without a licence
5. Application for private swimming pool licence
6. Fee non refundable
7. Deposit
8. Duration of licence
9. Renewal of licence
10. Transfer of licence
11. Licence shall be exhibited and produced
12. Suspension of licence
13. Revocation of licence
14. Surrender of licence
15. Return of licence due to revocation or suspension, *etc.*

**PART IV**

**PROHIBITIONS**

By-laws

16. Prohibitions when entering area or using swimming pool
17. Notice to be displayed
18. Use and care of swimming pool facilities
  
19. Loss or damage to property

**PART V**

**ENFORCEMENT**

20. Power to regulate swimming activities
21. No refund of admission fee or alternative admission date
22. Removal from swimming pool
23. Power to investigate
24. Power to enter and inspect
25. Search
26. Search of female person
27. Seizure
28. Forfeiture
29. Forfeiture if there is prosecution
30. Forfeiture if there is no prosecution
31. No cost or damages arising from seizure to be recoverable
32. Power to arrest
33. Power to close
34. Closing of swimming pool for exclusive use
35. Council is not liable for loss or damages
36. Obstruction, *etc.*

**PART VI**

**GENERAL**

37. Penalty
38. Prosecution

## By-laws

39. Compounding of offences
40. Powers of police officers under these By-Laws
41. Revocation and transitional provision

## FIRST SCHEDULE

## SECOND SCHEDULE

**LOCAL GOVERNMENT ACT 1976****SWIMMING POOL (AMPANG JAYA MUNICIPAL COUNCIL)  
BY-LAWS 2013**

IN the exercise of the powers conferred by section 102 of the Local Government Act 1976 [*Act 171*], the Ampang Jaya Municipal Council makes and pursuant to section 103 of the Act, the State Authority confirms the following by-laws:

**PART I****PRELIMINARY****Citation, commencement and application**

1. (1) These by-laws may be cited as the **Swimming Pool (Ampang Jaya Municipal Council) By-Laws 2013**.
- (2) These By-Laws comes into operation on the date of its publication in the *Gazette*.
- (3) These By-Laws shall apply only to the area administered by the Ampang Jaya Municipal Council.

**Interpretation**

2. In these By-Laws, unless the context otherwise requires—

“swimming pool facilities” includes any enclosure, shower, first aid kit box, dressing room, diving boards, platforms, water chutes, clothing, umbrella, table and bench, towels, shower room, box, space and any facilities or part thereof that relates to the usage of a swimming pool;

“swimming pool” includes any public swimming pool owned and maintained by the Council or maintained by any person appointed by the Council and private swimming pool;

“public swimming pool” means any public swimming pool managed and maintained by the Council or any other person appointed by the Council;

“private swimming pool” means any swimming pool owned by any person other than the Council which is open for public usagewith or without fee;

“Council” means Ampang Jaya Municipal Council;

“authorised officer” means any officer authorised in writing by the President;

“swimming pool officer” means any person appointed by the Council to control the usage and safety including well-trained life-guards;

“licensee” means any person who is granted a licence under these By-Laws;

“owner” means a registered proprietor of the land or premises and shall include the agent, trustee and legal representative of the owner, lessee, sub-lessee and any person for the time being is renting the premises either on his own or as agent or trustee for any other person;

“occupier” means the person in actual occupation of the land or premises in respect of which the word is used, or having the charge, management or control thereof either on his own or as agent of another person, but does not include a lodger;

“manager” means any person that manages any public swimming pool on behalf of the Council or private swimming pool;

“contagious disease” means any type of diseases prescribed as contagious disease by the Health Officer of the Council;

“Licensing Authority” means the President, Secretary of a Local Authority or any officer authorised in writing to issue a licence by the President;

“premises” has the meaning assigned to it in the Street, Drainage and Building Act 1974 [*Act 133*];

“licensed premises” means any premises operating any activity of private swimming pools licensed by the Licensing Authority under these By-Laws;

“President” means the President of Ampang Jaya Municipal Council.

## PART II

### PUBLIC SWIMMING POOL

#### **Public swimming pool**

3. (1) The Council may provide public swimming pools for public usage by charging entrance fee as determined from time to time.

(2) The Council may appoint or authorise any person to manage and maintain any public swimming pool.

(3) The Council may impose charges and conditions as prescribed under these By-Laws to any person appointed under paragraph (2).

(4) The Council may exempt any person from any charge or condition prescribed under these By-Laws.

(5) The President may close any public swimming pool at any time he thinks necessary to do so.

## PART III

## LICENCE OF PRIVATE SWIMMING POOL

**Prohibition of private swimming pool without a licence**

4. (1) No person shall operate a private swimming pool without a licence issued by the Licensing Authority under these By-Laws.

(2) No person shall manage a private swimming pool unless the private swimming pool is a licensed private swimming pool.

(3) For the purpose of these By-Laws—

- (a) a person who is the owner, lessee, principal tenant, occupier or manager of any premises used as a private swimming pool shall, unless the contrary is proved, be deemed to be operating the private swimming pool; and
- (b) any person who for the time being is engaged in the management or in control of the private swimming pool shall, unless the contrary is proved, be deemed to be managing the private swimming pool.

(4) Any person who contravenes paragraph (1) or (2) commits an offence.

**Application for private swimming pool licence**

5. (1) An application for a licence shall be made in writing in such form or in any means as prescribed by the Licensing Authority.

(2) An application shall fulfil the conditions and restrictions as prescribed by the Licensing Authority from time to time which includes—

- (a) providing qualified life-guards;
- (b) providing sufficient lifebuoy and for swimming lessons, the number of lifebuoy to be provided shall be equivalent with the number of students inside the pool on any given times;
- (c) providing first aid kit box;
- (d) providing adequate signage; and
- (e) ensuring the pool water in a clean and safe condition to use.

(3) The Licensing Authority may require an applicant to attend in person or, in the case of a corporation or firm, by a director, employee or any person authorised by the corporation or firm, at the time of the grant or renewal of the licence.

(4) An application under paragraph (1) shall enclose any document or information as determined and the Licensing Authority may at any time after receiving the application and prior to the application being decided in writing, require the applicant within a prescribed time to submit any document or additional information as the Licensing Authority deem necessary.

(5) If any additional document or information required under paragraph (4) has not been submitted by the applicant within the prescribed time or any extension thereof given by the Licensing Authority, the application shall be deemed withdrawn and cannot be continued, without prejudice to any new application made by the applicant.

(6) Applicant shall made the payment of processing fee as prescribed in the First Schedule upon submission of the application and it is not refundable whether the application is approved or disapproved by the Licensing Authority.

(7) Upon approval of the application, the Licensing Authority shall grant a licence subject to—

- (a) payment of a deposit, such sum as the Council may determine as security to ensure that the provisions of these By-Laws and the conditions of the licence are complied with;
- (b) payment of any fee as stipulated in the Second Schedule; and
- (c) any condition and restriction as may be specified therein.

(8) The licensee shall comply with the conditions or restriction as determine by the Licensing Authority under subparagraph (7)(c).

(9) Any licensee who fails to comply with paragraph (8) commits an offence.

### **Fee non refundable**

6. Fee paid under these By-Laws shall not be refundable.

### **Deposit**

7. (1) The Licensing Authority may, before granting a licence under these By-Laws, require any applicant to pay a deposit, not exceeding ten thousand ringgit, in such form as the Licensing Authority may determine to ensure any condition or restriction of the licence and provisions under these By-Laws are being complied with.

(2) The Licensing Authority may, after giving the licensee the right to be heard, forfeit the deposit, in whole or any part thereof if the Licensing Authority is satisfied that there has been a breach of the conditions or restrictions of the licence or contravention of any provision of these By-Laws.

(3) The licence shall be suspended according to paragraph 12(1) upon the forfeiture of the deposit, in whole or any part thereof, unless permitted by the Licensing Authority by way of application from the licensee to continue the licence under paragraph (4) and subject to repayment or additional deposit.

(4) The licensee may apply for a continuation of licence within fourteen days from the date of the forfeiture of the deposit and if there is no application to continue the licence within the said period, the licence shall be automatically revoked.

(5) The deposit paid under subparagraph 5(7)(a) shall, unless forfeited under paragraph (2), be refunded to the licensee after the licensee has ceased operating the licensed private swimming pool and after surrender of the licence to the Licensing Authority in the event that the licence has not expired.

### **Duration of licence**

8. A licence unless sooner suspended or cancelled, shall remain in force from the date of the payment of licence fee according to the period approved by the Licensing Authority not exceeding three years.

### **Renewal of licence**

9. (1) An application for renewal of licence can be made to the Licensing Authority within three months before the expiry of the licence upon payment of fee as stipulated in the Second Schedule.

(2) Licensing Authority may require the applicant to submit any additional document or information deemed to be necessary at the time the application is made.

(3) Licensing Authority may renew the licence or refuse to renew the licence and shall inform the applicant of its decision in writing.

(4) Licensing Authority may require the applicant to settle all payments in arrears including compounds to the Council before granting the application.

(5) Licensing Authority may impose new conditions when the licence is renewed.

### **Transfer of licence**

10. (1) A licence issued under these By-Laws is not transferable except with the written approval of the Licensing Authority.

(2) An application for the transfer of a licence shall be made in such form as determined by the Licensing Authority.

(3) The Licensing Authority may require the licensee to give any document or additional information as deemed necessary at the time the application is made.

(4) The Licensing Authority may order any licensee to attend in person or in the case of a corporation or firm, by a director, employee or any person authorised by the corporation or firm, at the time the application is made.

(5) The Licensing Authority may require the licensee to settle all payments in arrears to the Council before approving the said application.

(6) The transfer fee shall be twenty per cent of the licence fee as stipulated in the Second Schedule.

(7) Any licensee who made an application for the transfer of a licence shall pay a processing fee as stipulated in the First Schedule and it is non refundable.

(8) Any person who contravenes paragraph (1) commits an offence.

#### **Licence shall be exhibited and produced**

11. (1) A licensee shall exhibit the licence at all times at a conspicuous place in the licensed private swimming pool and shall produce such licence when required to do so by the Licensing Authority or authorised officer.

(2) A licensee who fails to exhibit or produce the licence under paragraph (1) commits an offence and shall on conviction be liable to a fine not exceeding five hundred ringgit or to imprisonment for a term not exceeding six months or both.

(3) For the purposes of these By-Laws, a reference to a “licence” shall include a copy of a licence certified by the Licensing Authority to be a true copy of the licence and it shall be granted upon payment of fee as stipulated in the First Schedule.

#### **Suspension of licence**

12. (1) The Licensing Authority shall suspend the licence pending decision made under paragraph 13(2) or upon forfeiture of deposit under paragraph 7(2).

(2) The Licensee shall cease immediately the operation of any activity at the private swimming pool where its licence has been suspended.

(3) The Licensing Authority may take action under by-law 33 if the licensee fails to cease the operation of any activity at the private swimming pool under paragraph (2).

the Licensing Authority or authorised officer may without warrant, enter and search such place and search any person whom he reasonably believes to be connected in the management of such premises.

#### **Search of female person**

31. No female person shall be searched under by-laws 28, 29 or 30 except by another female person and such search shall be conducted with strict regard to decency.

#### **Seizure**

32. (1) The Licensing Authority, authorised officer or police officer not below the rank of Inspector exercising powers under by-laws 28, 29 or 30, may seize any thing which he reasonably believes to have a bearing on, or can furnish evidence of, the commission of an offence under these By-Laws.

(2) The Licensing Authority, authorised officer or police officer not below the rank of Inspector who seizes any thing at any premises under paragraph (1) shall prepare a list of all things seized and forthwith deliver a copy signed by him to the occupant, proprietor or licensee of the premises, or to his servant or agent, present at such premises.

(3) Where the premises is unoccupied, the Licensing Authority, authorised officer or police officer not below the rank of Inspector who seizes shall whenever possible post a list of the things seized conspicuously at the premises.

(4) Any thing seized under these By-Laws shall be admissible as evidence in any proceedings under these By-Laws.

(5) Where, by reason of its nature, size or amount it is not practicable to remove any thing seized under these By-Laws, the Licensing Authority, authorised officer or police officer not below the rank of Inspector who seizes shall by any means seal the things in the premises in which it is found or seal any premises for the purpose of seizing such premises.

(6) Any person who, without lawful authority breaks, tampers with or damage the seal referred to in paragraph (5) or removes any thing under seal or attempts to do so commits an offence.

#### **Forfeiture**

33. All things seized under these By-Laws may be forfeited.

### **Forfeiture if there is prosecution**

34. (1) If there is prosecution involving any thing seized under these By-Laws, the forfeiture or release of any such thing may only be made by the order of the court in which the prosecution is held.

(2) Notwithstanding paragraph (1), if it is proved to the satisfaction of the court that—

- (a) an offence against any provision of these By-Laws has been committed; and
- (b) any thing is the subject-matter of or has been used in the commission of the offence,

the court shall forfeit the thing notwithstanding that no person has been convicted of such offence.

(3) All things forfeited under these By-Laws shall be delivered to the Licensing Authority and shall be disposed of in accordance with the directions of the Licensing Authority.

### **Forfeiture if there is no prosecution**

35. (1) If there is no prosecution involving any thing seized under these By-Laws, the thing shall be taken and deemed to be forfeited on the expiration of a period of one calendar month from the date of the seizure unless a claim thereto is made before the expiration of such period in the manner stipulated in paragraph (2).

(2) Any person asserting that he is the owner of any thing seized under these By-Laws and that the thing is not liable to be forfeited may, either personally or by his agent authorised in writing, give notice in writing to the Licensing Authority that he claims the thing seized.

(3) On receipt of the notice under paragraph (2), the Licensing Authority may direct that the thing be released with or without cost or that the matter be referred to a Magistrate.

(4) A Magistrate to whom reference is made under paragraph (3) shall issue a summon requiring—

- (a) the person claiming that he is the owner of the thing seized; and
- (b) the person from whom the thing was seized,

to appear before him on the day appointed in the summons.

(5) On the day appointed under paragraph (4), and upon due service of the summons on each of the person referred to in subparagraphs (4)(a) and (4)(b) being proved, the Magistrate shall proceed to the examination of the matter, notwithstanding the non-appearance of any of the person.

(6) If upon the conclusion of the examination under paragraph (5) in respect of a thing, the Magistrate is satisfied that—

- (a) an offence against any provision of these By-Laws has been committed; and
- (b) such thing is the subject-matter of or has been used in the commission of the offence,

the Magistrate shall order the forfeiture of the thing, but if the Magistrate is not so satisfied, he shall order that the thing be released and delivered to the person who in his opinion has a right to such thing.

#### **No cost or damages arising from seizure to be recoverable**

36. No person shall in any proceeding before any court in respect of any thing seized in the exercise of any power conferred under these By-Laws, be entitled to the cost of such proceedings or to any damages or other relief.

#### **Power to arrest**

37. (1) The Licensing Authority, authorised officer or police officer may arrest without warrant any person who commits in his presence or whom he reasonably believes to have committed any offence under these By-Laws—

- (a) if the name or address of the person is unknown to him and the person declines to give his name and address; or
- (b) if there is a reason to doubt the accuracy of the name or address.

(2) A person arrested under these By-laws shall be detained and brought before a Magistrate within twenty-four hours unless his name and address are sooner ascertained.

#### **Power to close**

38. (1) Without prejudice to the exercise of the powers conferred on him under by-laws 28, 29 or 30, the Licensing Authority may, forthwith take such steps as he may consider necessary to close any premises if he is satisfied that—

- (a) there has been a breach of any condition or restriction of the licence or a contravention of any provision of these By-Laws;
- (b) such closure is necessary or beneficial for the public interest; or
- (c) the licence has been improperly or illegally obtained.

(2) The Licensing Authority may close any premises if he is satisfied that the premises do not have any licence or is operating under an unlawful licence.

**Council is not liable for loss or damages**

39. The Council or authorised officer enforcing any provision of these By-Laws shall not be liable for any loss or damages resulting from the said enforcement.

**Obstruction, etc.**

40. Any person who at any time obstructs, molests or assaults the President, Councillors, officers or employees of the Council in the performance and execution of their duty or removes any mark set up for the purpose of indicating any level or direction necessary to the execution of works shall be guilty of an offence and shall on conviction be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit or to a term of imprisonment not exceeding six months or both.

**PART V****GENERAL****Offence by servant or agent**

41. Where an offence under these By-Laws has been committed by a servant or agent of any licensee, or by any servant or agent of the owner or occupier of an unlicensed premises, the licensee, owner or occupier shall be deemed to have also committed that offence unless, having regard to all the circumstances, he proves—

- (a) that the offence was committed without his knowledge, consent or omission; and
- (b) that he had taken all reasonable precautions and had exercised due diligence to prevent the commission of the offence.

**Offence by body corporate**

42. Where an offence under these By-Laws has been committed by a body corporate, any person who at the time of the commission of the offence was a member of the board of directors, a manager, a secretary or a person holding an office or a position similar to that of manager or secretary of the body corporate shall be deemed to have also committed that offence and shall on conviction be liable to the same punishment to which the body corporate is liable under these By-Laws.

**Penalty**

43. Any person who contravenes any provision of these By-Laws commits an offence and shall upon conviction be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding one year or to both and in the case of a continuing offence to a fine not exceeding two hundred ringgit for each day during which such offence is continued after conviction.

**Prosecution**

44. A prosecution for any offence under these By-Laws shall not be instituted except by or with the consent in writing of the Public Prosecutor.

**Compounding of offences**

45. (1) The President, the Secretary , the Legal Officer or the Assistant Legal Officer of the Council may compound any offence committed by any person under these By-Laws and prescribed to be a compoundable offence by making a written offer to the person suspected of having committed the offence to compound the offence upon payment to the Council of an amount of money not exceeding one thousand ringgit except for offences under paragraphs 11(1) and 21(5) which are compoundable offences of an amount not exceeding two hundred and fifty ringgit for that offence within the time specified in the offer.

(2) An offer under paragraph (1) may be made at any time after the offence has been committed but before any prosecution for it has been instituted, and if the amount specified in the offer is not paid within the period specified in the offer or within such extended period as the President, the Secretary, the Legal Officer or the Assistant Legal Officer of the Council may grant, prosecution for the offence may be instituted at any time after that against the person to whom the offer was made.

(3) If an offer of compound under paragraph (1) is paid, no prosecution shall be instituted after that in respect of the offence and anything seized in connection with the offence shall be released, subject to such terms and conditions as may be prescribed.

(4) All monies received under this by-law shall be paid into the fund constituted under any law relating to local government.

**Powers of police officers under these By-Laws**

46. Nothing contained in these By-Laws shall derogate from the powers of a police officer to investigate any offence under these By-Laws.

**Revocation and transitional provision**

47. (1) The Hotels (Ampang Jaya Municipal Council) By-Laws 2007 [Sel. P.U. 118/2007] is revoked.

(2) Any notice, order, compound, licence or documents made or issued under the revoked By-Laws shall, be deemed to be made or issued under these By-Laws, and shall continue to remain in force until revoked thereof.

**FIRST SCHEDULE****ANNUAL LICENCE FEE**

[subparagraph 4(4)(b), paragraphs 9(1) and 10(6)]

Total of Rooms	Fee
20 rooms or below	RM500.00
21 to 40 rooms	RM1,000.00
41 to 60 rooms	RM1,500.00
61 to 80 rooms	RM2,000.00
81 to 100 rooms	RM2,500.00
101 to 150 rooms	RM3,000.00
151 to 200 rooms	RM3,500.00
201 to 250 rooms	RM4,000.00
251 to 300 rooms	RM4,500.00
301 to 350 rooms	RM5,000.00
351 to 400 rooms	RM5,500.00
401 to 500 rooms	RM6,000.00
More than 501 rooms	RM6,500.00

**SECOND SCHEDULE****LICENCE PROCESSING FEE**

[paragraph 4(3)]

- (a) Form : RM 5.00  
 (b) Hotel : RM50.00

**TRANSFER OF LICENCE FEE**

[paragraph 10(7)]

- (a) Form : RM 5.00  
 (b) Processing : RM50.00

COPY OF CERTIFIED LICENCE FEE

[paragraph 11(3)]

(a) Form	:	RM 5.00
(b) Processing	:	RM50.00

Made 28 March 2013  
[MPAJ.UU/GPP/UUK/1; P.U. Sel. Am 0068/2012]

DATO' MOHAMMAD BIN YACOB  
*President*  
*Ampang Jaya Municipal Council*

Confirmed 5 July 2013  
[P.U. Sel. Am 0068/2012]

SULIMAN BIN ABD. RAHMAN  
*Clerk*  
*State Executive Council*  
*Selangor*

**Sel. P.U. 80.****AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976****UNDANG-UNDANG KECIL PUSAT SUKAN PERSENDIRIAN  
(MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA) 2013****SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL****BAHAGIAN I****PERMULAAN**

Undang-  
undang  
kecil

1. Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian
2. Tafsiran

**BAHAGIAN II****LESEN PUSAT SUKAN PERSENDIRIAN**

3. Larangan mengadakan pusat sukan persendirian tanpa lesen
4. Permohonan lesen pusat sukan persendirian
5. Fi tidak boleh dibayar balik
6. Deposit
7. Tempoh sah lesen
8. Pembaharuan lesen
9. Pindah milik lesen
10. Lesen hendaklah dipamerkan dan dikemukakan
11. Penggantungan lesen
12. Pembatalan lesen
13. Penyerahan balik lesen
14. Mengembalikan lesen disebabkan pembatalan atau penggantungan, dsb.

**BAHAGIAN III****LARANGAN**

15. Larangan
16. Kebersihan pusat sukan persendirian
17. Notis untuk dipamerkan

**BAHAGIAN IV**

**PENGUATKUASAAN**

Undang-  
undang  
kecil

18. Kuasa untuk mengawal aktiviti sukan
19. Tiada pemulangan bayaran masuk atau tarikh masuk gantian
20. Kuasa untuk menyiasat
21. Kuasa untuk masuk dan memeriksa
22. Penggeledahan
23. Pemeriksaan orang perempuan
24. Penyitaan
25. Pelucuthakan
26. Pelucuthakan jika ada pendakwaan
27. Pelucuthakan jika tiada pendakwaan
28. Tiada kos atau ganti rugi berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan
29. Kuasa menangkap
30. Kuasa untuk menutup
31. Majlis tidak bertanggungan atas kehilangan atau kerosakan
32. Halangan, dsb.
33. Pengecualian

**BAHAGIAN V**

**AM**

34. Penalti
35. Pendakwaan
36. Pengkompaunan kesalahan
37. Kuasa pegawai polis di bawah Undang-Undang Kecil ini
38. Pembatalan dan peruntukan peralihan

**JADUAL PERTAMA**

**JADUAL KEDUA**

---

## AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

### UNDANG-UNDANG KECIL PUSAT SUKAN PERSENDIRIAN (MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Majlis Perbandaran Ampang Jaya membuat dan menurut seksyen 103 Akta, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil yang berikut:

#### BAHAGIAN I

#### PERMULAAN

##### **Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian**

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pusat Sukan Persendirian (Majlis Perbandaran Ampang Jaya) 2013**.

(2) Undang-Undang Kecil ini mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

(3) Undang-Undang Kecil ini hendaklah terpakai hanya bagi kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

##### **Tafsiran**

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“gimnastik” ertinya senaman melibatkan gerak badan yang memperlihatkan kelincahan dan ketangkasan seseorang untuk membina otot dan kecerdasan mental selain daripada maksud pertunjukan;

“kemudahan pusat sukan” termasuklah apa-apa peti rawatan pertolongan cemas, bilik tukar pakaian, pakaian, payung, kerusi meja, tuala, bilik mandi, kotak, ruang dan apa-apa kemudahan atau bahagian darinya yang bersangkutan dengan penggunaan sebuah pusat sukan;

“luas lantai” ertinya jumlah luas ruang lantai dalam sesuatu bangunan sebagaimana diukur dari sebelah luar dinding atau, berkenaan dengan dinding kongsi, diukur dari tengah-tengah dinding itu;

“Majlis” bermakna Majlis Perbandaran Ampang Jaya;

“pegawai diberi kuasa” ertinya mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua;

“pemegang lesen” ertinya mana-mana orang yang kepadanya lesen dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil;

“pemunya” ertinya tuan punya berdaftar bagi tanah dan premis dan hendaklah termasuk ejen, pemegang amanah dan wakil tuan punya yang sah di sisi undang-undang, pemegang pajak, pemegang pajak kecil dan mana-mana orang yang pada masa ini menyewa premis yang berkaitan sama ada bagi faedah dirinya sendiri atau sebagai ejen atau pemegang amanah bagi mana-mana orang lain;

“penduduk” ertinya orang yang sebenarnya menduduki tanah atau premis yang mengenainya perkataan itu digunakan, atau yang berhak menjaga, mengurus atau mengawalnya sama ada bagi faedahnya sendiri atau sebagai ejen seorang lain, tetapi tidak termasuk seorang penginap;

“pengurus” ertinya mana-mana orang yang menguruskan mana-mana pusat sukan persendirian;

“Pihak Berkuasa Melesen” ertinya Yang Dipertua, Setiausaha suatu pihak berkuasa tempatan atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis untuk mengeluarkan lesen oleh Yang Dipertua;

“premis” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133];

“premis berlesen” ertinya mana-mana premis yang menjalankan apa-apa aktiviti pusat sukan persendirian yang telah dilesenkan oleh Pihak Berkuasa Melesen di bawah Undang-Undang Kecil ini;

“pusat sukan” ertinya pusat sukan persendirian;

“pusat sukan persendirian” ertinya mana-mana premis yang disediakan dengan kemudahan sukan atau aktiviti sukan bagi kegunaan orang ramai yang dimiliki dan diselenggarakan oleh mana-mana orang;

“sukan” termasuklah mana-mana aktiviti sukan yang disenaraikan dalam Jadual Pertama;

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

## BAHAGIAN II

### LESEN PUSAT SUKAN PERSENDIRIAN

#### **Larangan mengadakan pusat sukan persendirian tanpa lesen**

3. (1) Tiada seorang pun boleh mengendalikan pusat sukan persendirian tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Melesen di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(2) Tiada seorang pun boleh menguruskan aktiviti sukan seperti dalam Jadual Pertama di pusat sukan persendirian melainkan jika pusat sukan persendirian itu ialah suatu pusat sukan persendirian berlesen.

(3) Bagi maksud Undang-Undang Kecil ini—

- (a) seseorang yang merupakan pemunya, penerima pajak, penyewa utama, penghuni atau pengurus mana-mana premis yang digunakan sebagai pusat sukan persendirian hendaklah, melainkan jika dibuktikan sebaliknya, disifatkan sebagai mengendalikan pusat sukan persendirian itu; dan
- (b) mana-mana orang yang pada masa itu terlibat dalam pengurusan atau mengawal pusat sukan persendirian itu hendaklah, melainkan jika dibuktikan sebaliknya, disifatkan sebagai menguruskan pusat sukan persendirian itu.

(4) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (1) atau (2) adalah melakukan suatu kesalahan.

#### **Permohonan lesen pusat sukan persendirian**

4. (1) Suatu permohonan untuk mendapatkan suatu lesen hendaklah dibuat secara bertulis melalui borang atau apa-apa cara yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengarahkan mana-mana pemohon supaya hadir sendiri atau dalam hal suatu perbadanan atau firma, oleh seorang pengarah, pekerja atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh perbadanan atau firma tersebut, semasa permohonan dibuat.

(3) Pemohon hendaklah membuat pembayaran fi pemprosesan seperti yang ditetapkan dalam Jadual Kedua semasa permohonan dikemukakan dan fi pemprosesan tidak akan dikembalikan sama ada permohonan diluluskan atau tidak diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(4) Apabila permohonan itu diluluskan, Pihak Berkuasa Melesen hendaklah mengeluarkan lesen yang tertakluk kepada—

- (a) pembayaran deposit seperti jumlah yang ditetapkan oleh Majlis sebagai jaminan untuk memastikan bahawa peruntukan Undang-Undang Kecil ini dan syarat lesen dipatuhi;
- (b) pembayaran apa-apa fi yang ditetapkan dalam Jadual Kedua; dan
- (c) apa-apa syarat atau sekatan yang dinyatakan di dalamnya.

(5) Lesen tersebut hendaklah dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(6) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengeluarkan lesen bagi tempoh tidak melebihi tiga tahun dan boleh diperbaharui, tertakluk kepada permohonan pembaharuan yang dibuat kepada Pihak Berkuasa Melesen dan bayaran fi sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(7) Pemegang lesen hendaklah mematuhi semua syarat dan sekatan yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen di bawah subperenggan (4)(c).

(8) Mana-mana pemegang lesen yang gagal mematuhi perenggan (7) adalah melakukan suatu kesalahan.

### **Fi tidak boleh dibayar balik**

5. Fi lesen yang telah dibayar di bawah Undang-Undang Kecil ini tidak boleh dikembalikan.

### **Deposit**

6. (1) Pihak Berkuasa Melesen boleh, sebelum memberikan sesuatu lesen di bawah Undang-Undang Kecil ini, mengkehendaki mana-mana pemohon membayar deposit tidak melebihi sepuluh ribu ringgit, dalam bentuk yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Melesen bagi memastikan apa-apa syarat atau sekatan lesen itu dan peruntukan di bawah Undang-Undang Kecil ini dipatuhi dengan sewajarnya.

(2) Pihak Berkuasa Melesen boleh, selepas memberi pemegang lesen peluang untuk didengar melucutahkan deposit sepenuhnya atau sebahagian daripadanya sekiranya Pihak Berkuasa Melesen berpuashati bahawa terdapatnya pelanggaran syarat atau sekatan lesen atau pelanggaran mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

(3) Lesen hendaklah digantung menurut perenggan 11(1) apabila deposit dilucutahkan sepenuhnya atau sebahagian daripadanya, melainkan dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Melesen dengan permohonan dari pemegang lesen untuk meneruskan lesen di bawah perenggan (4) dan tertakluk kepada pembayaran semula atau penambahan semula deposit.

(4) Pemegang lesen boleh membuat permohonan untuk meneruskan lesen dalam tempoh empat belas hari dari tarikh pelucutahkan deposit dan sekiranya tiada permohonan untuk meneruskan lesen dibuat dalam tempoh tersebut, lesen hendaklah terbatal secara sendirinya.

(5) Pembayaran deposit di bawah subperenggan 4(4)(a) hendaklah, melainkan dilucutahkan menurut perenggan (2), dikembalikan kepada pemegang lesen selepas pemegang lesen menamatkan pengendalian pusat sukan persendirian berlesen dan selepas penyerahan balik lesen kepada Pihak Berkuasa Melesen sekiranya lesen itu tidak tamat.

### **Tempoh sah lesen**

7. Sesuatu lesen jika tidak digantung atau dibatalkan terlebih dahulu hendaklah terus berkuat kuasa dari tarikh pembayaran fi lesen mengikut tempoh yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melesen tidak melebihi tiga tahun.

### **Pembaharuan lesen**

8. (1) Suatu permohonan memperbaharui lesen boleh dibuat kepada Pihak Berkuasa Melesen dalam masa tiga bulan sebelum tamat tempoh lesen dengan bayaran fi sepetimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(2) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengkehendaki pemohon memberi apa-apa dokumen atau maklumat tambahan yang difikirkan perlu semasa pemohon mengemukakan permohonan memperbaharui lesen.

(3) Pihak Berkuasa Melesen boleh memperbaharui lesen itu atau enggan memperbaharui lesen itu dan hendaklah memberitahu pemohon secara bertulis mengenai keputusannya itu.

(4) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengkehendaki pemohon untuk menyelesaikan semua bayaran tertunggak termasuk kompaun kepada pihak Majlis sebelum meluluskan permohonan memperbaharui lesen.

(5) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengenakan syarat baru apabila suatu lesen diperbaharui.

### **Pindah milik lesen**

9. (1) Suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini tidak boleh dipindah milik kecuali dengan kebenaran bertulis Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Permohonan untuk memindah milik lesen hendaklah dibuat mengikut apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(3) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengkehendaki pemegang lesen memberi apa-apa dokumen atau maklumat tambahan sebagaimana yang didapati perlu semasa permohonan dibuat.

(4) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengarahkan mana-mana pemegang lesen supaya hadir sendiri atau dalam hal suatu perbadanan atau firma, oleh seorang pengarah, pekerja atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh perbadanan atau firma tersebut, semasa permohonan dibuat.

(5) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengkehendaki pemegang lesen untuk menyelesaikan semua bayaran tertunggak kepada pihak Majlis sebelum meluluskan permohonan tersebut.

(6) Bayaran pindah milik lesen hendaklah sebanyak dua puluh peratus daripada bayaran lesen yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(7) Mana-mana pemegang lesen yang membuat permohonan pindah milik lesen hendaklah membuat pembayaran fi pemprosesan seperti yang ditetapkan dalam Jadual Kedua dan ianya tidak akan dikembalikan.

(8) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

**Lesen hendaklah dipamerkan dan dikemukakan**

10. (1) Seorang pemegang lesen hendaklah mempamerkan lesen pada sepanjang masa di suatu tempat yang mudah dilihat di dalam pusat sukan persendirian berlesen dan hendaklah mengemukakannya sekiranya dikehendaki berbuat demikian oleh Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa.

(2) Seorang pemegang lesen yang gagal untuk mempamer atau mengemukakan lesen di bawah perenggan (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan bolehlah dikenakan hukuman denda yang tidak melebihi lima ratus ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(3) Bagi maksud Undang-Undang Kecil ini, sebutan tentang sesuatu “lesen” hendaklah termasuk salinan lesen itu yang diperakui oleh Pihak Berkuasa Melesen sebagai salinan sebenar lesen itu dan salinan lesen yang diperakui hanya boleh dikeluarkan tertakluk kepada kadar bayaran dalam Jadual Kedua.

**Pengantungan lesen**

11. (1) Pihak Berkuasa Melesen hendaklah menggantung sesuatu lesen itu sementara menunggu keputusan dibuat di bawah perenggan 12(2) atau apabila deposit dilucuthakkan mengikut perenggan 6(2).

(2) Pemegang lesen hendaklah menghentikan dengan serta merta operasi apa-apa aktiviti di pusat sukan persendirian yang telah digantung lesennya.

(3) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengambil tindakan di bawah undang-undang kecil 30 jika pemegang lesen gagal untuk memberhentikan operasi apa-apa aktiviti di pusat sukan persendirian di bawah perenggan (2).

(4) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (2) adalah melakukan suatu kesalahan.

**Pembatalan lesen**

12. (1) Pihak Berkuasa Melesen boleh membatalkan suatu lesen yang diberikan jika berpuas hati bahawa—

- (a) pemegang lesen itu melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini atau gagal mematuhi apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan ke atasnya;
- (b) pemegang lesen itu telah sama ada berkaitan dengan permohonan lesen itu atau pada bila-bila masa selepas pemberian lesen, memberi kepada Pihak Berkuasa Melesen, dokumen atau perisytiharan yang palsu, mengelirukan atau tidak tepat;
- (c) pemegang lesen itu menjalankan apa-apa aktiviti yang boleh memudaratkan kepentingan awam atau ekonomi;

- (d) pemegang lesen telah tidak menjalankan atau menguruskan suatu pusat sukan persendirian yang dilesenkan selama tempoh enam bulan berturut-turut atau telah berhenti menjalankan atau menguruskan suatu pusat sukan persendirian yang dilesenkan;
- (e) suatu perintah penggulungan telah dibuat terhadap pemegang lesen atau satu ketetapan bagi penggulungan sukarelanya telah diluluskan;
- (f) pemegang lesen itu telah disabitkan atas apa-apa kesalahan yang melibatkan rasuah, fraud atau pecah amanah; atau
- (g) pemegang lesen itu telah disabitkan atas apa-apa kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(2) Sebelum membatalkan sesuatu lesen, Pihak Berkuasa Melesen hendaklah memberikan kepada pemegang lesen itu notis bertulis mengenai niatnya untuk berbuat sedemikian dan mengkehendaki pemegang lesen itu mengemukakan representasi secara bertulis dalam tempoh tujuh hari dari tarikh notis itu sebab lesen itu tidak patut dibatalkan.

(3) Jika Pihak Berkuasa Melesen memutuskan untuk membatalkan lesen tersebut selepas pemegang lesen mengemukakan representasi dan Pihak Berkuasa Melesen tidak berpuashati dengan representasi yang diberikan atau jika pemegang lesen gagal untuk mengemukakan representasi dalam masa yang ditetapkan, Pihak Berkuasa Melesen hendaklah memberitahu pemegang lesen secara bertulis mengenai keputusannya itu dalam tempoh empat belas hari dari tarikh keputusan dibuat.

(4) Pembatalan suatu lesen hendaklah mula berkuat kuasa apabila habisnya tempoh empat belas hari dari tarikh notis pembatalan itu disampaikan kepada pemegang lesen.

(5) Jika suatu lesen telah dibatalkan di bawah perenggan (3), pemegang lesen yang lesennya dibatalkan hendaklah menghentikan dengan serta-merta operasi apa-apa aktiviti di pusat sukan persendirian. Pihak Berkuasa Melesen boleh mengambil tindakan di bawah undang-undang kecil 30 jika pemegang lesen gagal untuk memberhentikan operasi apa-apa aktiviti di pusat sukan persendirian.

(6) Jika pembatalan suatu lesen telah mula berkuat kuasa, Pihak Berkuasa Melesen hendaklah seberapa segera—

- (a) menyampaikan suatu salinan notis pembatalan lesen kepada pemegang lesen atau orang yang mengurus dan mengawal pusat sukan persendirian yang dilesenkan; atau
- (b) menampal suatu salinan notis pembatalan lesen pada tempat yang mudah dilihat di pusat sukan persendirian yang dilesenkan.

(7) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (5) adalah melakukan suatu kesalahan.

**Penyerahan balik lesen**

13. (1) Pemegang lesen atas apa-apa sebab yang munasabah boleh menyerah balik lesennya berserta dengan suatu notis bertulis mengenai penyerahan balik dan lesen tersebut hendaklah dibatalkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Penyerahan balik lesen itu hendaklah berkuat kuasa pada tarikh Pihak Berkuasa Melesen menerima lesen dan notis itu di bawah perenggan (1). Pemegang lesen hendaklah menghentikan dengan serta-merta operasi apa-apa aktiviti di pusat sukan persendirian pada tarikh penyerahan balik lesen itu berkuatkuasa.

(3) Pemegang lesen itu hendaklah tidak lewat daripada empat belas hari selepas tarikh penyerahan balik lesen tersebut menampal satu notis sedemikian di tempat yang mudah dilihat di premis berlesen tersebut.

(4) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengambil tindakan di bawah undang-undang kecil 30 jika pemegang lesen gagal untuk memberhentikan operasi apa-apa aktiviti di pusat sukan persendirian di bawah perenggan (2).

(5) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (2) atau (3) adalah melakukan suatu kesalahan.

**Mengembalikan lesen disebabkan pembatalan atau penggantungan, dsb.**

14. (1) Jika pembatalan lesen di bawah undang-undang kecil 12 atau penggantungan lesen di bawah undang-undang kecil 11, pemegang lesen itu hendaklah dalam masa empat belas hari mengembalikan lesen asal tersebut kepada Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

**BAHAGIAN III****LARANGAN****Larangan**

15. (1) Seseorang pemegang lesen tidak boleh—

- (a) mengambil bekerja mana-mana orang yang di dalam pengetahuannya atau mempunyai sebab untuk percaya sebagai seorang yang mempunyai watak yang jahat;
- (b) mengambil bekerja mana-mana orang di bawah umur lapan belas tahun;
- (c) membenarkan apa-apa perjudian, pertaruhan atau apa-apa bentuk perbuatan yang menyebabkan kacau ganggu, gangguan, kecederaan atau kebisingan kepada penduduk di kawasan persekitaran di pusat sukan persendirian;

- 
- (d) menayangkan, mempamerkan atau membenarkan apa-apa gambar atau artikel yang kurang sopan atau lucah di pusat sukan persendirian;
  - (e) membenarkan penjualan apa-apa bahan yang berunsur negatif dan lucah di pusat sukan persendirian;
  - (f) membenarkan mana-mana binatang berada di dalam pusat sukan persendirian;
  - (g) mengunci pintu masuk ke pusat sukan persendirian sewaktu beroperasi;
  - (h) membenarkan atau mengadakan apa-apa penyediaan, penjualan atau penggunaan sebarang rokok, minuman beralkohol atau apa-apa jenis dadah merbahaya di pusat sukan persendirian;
  - (i) menayangkan atau mempamerkan apa-apa gambar yang tidak sesuai dengan adat resam, agama dan nilai murni masyarakat Malaysia;
  - (j) membenarkan penggunaan kaca atau apa-apa benda lut sinar lain yang diwarnakan atau ditampal dengan apa-apa bahan yang menghalang penglihatan di bahagian hadapan, tepi atau belakang premis;
  - (k) membenarkan atau menyebabkan terhalang penglihatan ke dalam pusat sukan persendirian dengan apa-apa alatan, bahan atau barang;
  - (l) membenarkan apa-apa aktiviti kurang sihat di dalam pusat sukan persendirian;
  - (m) membenarkan mana-mana orang yang menyertai aktiviti sukan tanpa berpakaian sukan yang sesuai;
  - (n) membenarkan mana-mana orang mengotori atau mencemari mana-mana kemudahan pusat sukan termasuklah bilik mandi, bilik tukar pakaian, almari, kotak atau ruang atau apa-apa perabot atau barang di dalamnya;
  - (o) membenarkan mana-mana orang memasuki atau menggunakan mana-mana bilik tukar pakaian, almari, kotak atau ruang yang dikhaskan untuk kegunaan seseorang dari jantina yang berlainan, dengan syarat peruntukan di bawah perenggan ini tidak terpakai dalam hal seseorang kanak-kanak di bawah umur enam tahun yang ditemani oleh orang dewasa;
  - (p) membenarkan mana-mana orang yang berada di pusat sukan persendirian berkelakuan tidak sopan atau mengganggu orang lain;
  - (q) membenarkan mana-mana orang yang berada di pusat sukan persendirian melakukan apa-apa perbuatan yang menyalahi apa-apa larangan lain yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen dari semasa ke semasa; atau
  - (r) membenarkan kanak-kanak di bawah umur enam tahun masuk ke pusat sukan persendirian melainkan diiringi oleh orang dewasa.
- (2) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

**Kebersihan pusat sukan persendirian**

16. (1) Pemegang lesen hendaklah pada setiap masa, menjaga kebersihan pusat sukan persendirian.

(2) Setiap pemegang lesen hendaklah menyediakan dan menyelenggarakan di dalam pusat sukan persendirian, bekas-bekas sampah yang sesuai dan mencukupi untuk diletakkan di tempat yang sempurna sebagaimana yang dikehendaki oleh Pihak Berkuasa Melesen dan hendaklah dikosongkan seberapa kerap yang perlu.

(3) Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa—

- (a) terdapat tandas yang berasingan bagi lelaki dan perempuan dan kemudahan tandas itu diselenggara dalam keadaan baik dan bersih pada setiap masa;
- (b) tiap-tiap tandas dilengkapi dengan pili, baldi dan hos untuk memudahkan bersuci;
- (c) tiap-tiap tandas hendaklah, pada setiap masa, dilengkapi dengan kertas tandas, sabun atau bahan pencuci, tong sampah, pengering elektrik atau tuala bersih atau kertas tisu;
- (d) jika pencahayaan semula jadi tidak mencukupi, maka pencahayaan buatan hendaklah disediakan di dalam tiap-tiap tandas pada setiap masa; dan
- (e) terdapat bekalan air pada setiap masa.

(4) Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa—

- (a) semua peralatan menentang kebakaran adalah diselenggara dengan baik dan dalam keadaan sedia digunakan;
- (b) semua tangga, laluan, pelantar dan jalan keluar adalah bebas daripada halangan dan semua pintu keluar adalah sentiasa tidak ditutup pada setiap masa semasa waktu beroperasi;
- (c) suatu kotak pertolongan cemas yang lengkap mengandungi pembalut dan alat pertolongan cemas seperti berikut:
  - (i) enam pembalut yang disteril, setiap satu berukuran tidak kurang daripada 7.6 sm x 7.6 sm bagi luka dan luka terbakar;
  - (ii) gulung kapas yang disteril tidak kurang daripada 300 gm;
  - (iii) dua gulung kain pembalut, setiap satu berukuran tidak kurang daripada 7.6 sm x 5.5 sm;
  - (iv) tiga helai kain pembalut berbentuk segi tiga;
  - (v) satu gulung pengikat pembedahan berukuran 2.54 sm x 2.74 sm;

- (vi) satu pasang gunting keluli tahan karat;
  - (vii) satu kotak pin keselamatan; dan
  - (viii) satu tiub krim antisepzik.
- (5) Mana-mana orang yang melanggar undang-undang kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan.

#### **Notis untuk dipamerkan**

17. (1) Pemegang lesen hendaklah mempamerkan secara berterusan peruntukan undang-undang kecil 15 dalam bentuk notis yang ditulis dalam bahasa kebangsaan dan Inggeris di tempat yang mudah dilihat dan berdekatan dengan pusat sukan persendirian itu.
- (2) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

#### **BAHAGIAN IV**

#### **PENGUATKUASAAN**

#### **Kuasa untuk mengawal aktiviti sukan**

18. Pihak Berkuasa Melesen boleh pada bila-bila masa—
- (a) menggantungkan mana-mana aktiviti sukan di pusat sukan persendirian; atau
  - (b) menutup mana-mana pusat sukan persendirian sekiranya Pihak Berkuasa Melesen berpuashati perlu berbuat demikian.

#### **Tiada pemulangan bayaran masuk atau tarikh masuk gantian**

19. Di dalam hal penggantungan aktiviti sukan atau penutupan pusat sukan persendirian di bawah undang-undang kecil 18, tiada pemulangan bayaran masuk boleh dibuat atau tarikh masuk gantian boleh ditawarkan, melainkan jika Pihak Berkuasa Melesen memutuskan sebaliknya dan keputusan Pihak Berkuasa Melesen adalah muktamad.

#### **Kuasa untuk menyiasat**

20. Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa boleh menyiasat apa-apa kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

**Kuasa untuk masuk dan memeriksa**

21. (1) Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa boleh pada setiap masa yang munasabah, tanpa waran dengan tujuan untuk menentukan sama ada syarat atau sekatan sesuatu lesen atau peruntukan Undang-Undang Kecil ini dipatuhi—

- (a) memasuki mana-mana premis; dan
- (b) menjalankan apa-apa pemeriksaan di premis itu.

(2) Jika Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa ada sebab untuk mempercayai adanya berlaku suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini di mana-mana premis, maka orang yang tinggal di dalam atau menjaga tempat itu hendaklah membenarkan Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa itu masuk dengan bebas ke dalamnya, iaitu apabila diminta oleh mana-mana orang yang tersebut itu, dan memberikan segala kemudahan yang munasabah untuk menjalankan penggeledahan di dalamnya.

(3) Jika Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa tidak dapat masuk ke dalam mana-mana premis di bawah perenggan (2), maka adalah sah bagi Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa setelah memperkenalkan dirinya dan memberitahu tujuan kemasukan itu kepada pemegang lesen atau pekerja, untuk memasuki ke dalam premis itu tanpa waran dan menggeledah tempat itu dan bolehlah memecahkan mana-mana pintu luar atau dalam atau tingkap supaya dapat masuk ke dalamnya.

(4) Apabila mana-mana premis yang hendak digeledah atau diperiksa di bawah Undang-Undang Kecil ini tertutup, maka pemegang lesen, pekerja atau orang yang menjaga premis itu, jika ada, hendaklah atas permintaan Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa membuka atau menyebabkan premis itu dibuka, dan hendaklah membenarkan pegawai itu masuk apabila diminta olehnya dan hendaklah memberi segala kemudahan yang munasabah bagi menjalankan penggeledahan di dalamnya dan jika premis itu tidak dapat dimasuki, maka mana-mana pegawai tersebut boleh mengambil tindakan mengikut cara yang diperuntukkan oleh perenggan (3) jika dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini telah dilakukan di tempat itu.

**Pengeledahan**

22. (1) Jika mana-mana Majistret, atas maklumat bertulis dan selepas siasatan yang difikirkannya perlu, mempunyai sebab untuk percaya bahawa—

- (a) suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini telah atau sedang dilakukan di mana-mana premis; atau
- (b) apa-apa keterangan atau benda yang perlu untuk penyiasatan apa-apa kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini boleh ditemui di mana-mana premis,

dia boleh melalui waran, membenarkan Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa yang dinamakan dalam waran itu, dengan apa-apa bantuan yang diperlukan untuk masuk dan menggeledah tempat itu.

(2) Walau apa pun perenggan (1), jika Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa ada alasan yang munasabah untuk percaya bahawa—

- (a) suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini telah atau sedang dilakukan di mana-mana premis; atau
- (b) oleh sebab apa-apa kelengahan untuk mendapatkan waran geledah tujuan penggeledahan itu mungkin akan terkecewa,

maka Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa boleh tanpa waran memasuki tempat itu dan menggeledah tempat itu dan memeriksa mana-mana orang yang semunasabahnya dipercayai olehnya mempunyai kaitan dalam pengurusan premis itu.

### **Pemeriksaan orang perempuan**

23. Tiada orang perempuan boleh diperiksa di bawah undang-undang kecil 20, 21 atau 22 kecuali oleh seorang perempuan lain dan pemeriksaan itu hendaklah dijalankan dengan memberikan perhatian teliti kepada kesopanan.

### **Penyitaan**

24. (1) Pihak Berkuasa Melesen, pegawai diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor yang menjalankan kuasa di bawah undang-undang kecil 20, 21 atau 22, boleh menyita apa-apa benda yang semunasabahnya dipercayai olehnya sebagai mempunyai kaitan dengan, atau dapat memberikan keterangan tentang pelakuan sesuatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(2) Pihak Berkuasa Melesen, pegawai diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor yang menyita apa-apa benda di mana-mana premis di bawah perenggan (1) hendaklah menyediakan suatu senarai benda yang disita dan dengan segera menyerahkan suatu salinan yang ditandatangani olehnya kepada pemegang lesen, penghuni atau pemunya premis itu, atau pengkhidmat atau ejennya, yang berada di premis itu.

(3) Jika premis itu tidak berpenghuni, Pihak Berkuasa Melesen, pegawai diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor yang menyita itu hendaklah bilamana mungkin menampalkan senarai benda yang disita itu di tempat yang mudah dilihat di premis itu.

(4) Apa-apa benda yang disita di bawah Undang-Undang Kecil ini boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(5) Jika, oleh sebab jenis, saiz atau amauannya, tidaklah praktik untuk memindahkan apa-apa benda yang disita di bawah Undang-Undang Kecil ini, Pihak Berkuasa Melesen, pegawai diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor yang menyita itu hendaklah dengan apa-apa cara menyelak benda itu dalam premis yang di dalamnya ia dijumpai atau menyelak mana-mana premis bagi maksud penyitaan premis tersebut.

(6) Mana-mana orang yang tanpa kuasa yang sah memecahkan, mengganggu atau merosakkan lal yang disebut dalam perenggan (5) atau memindahkan apa-apa benda yang dilak atau cuba berbuat demikian melakukan suatu kesalahan.

**Pelucuthakan**

25. Semua benda yang disita di bawah Undang-Undang Kecil ini boleh dilucuthakkan.

**Pelucuthakan jika ada pendakwaan**

26. (1) Jika ada pendakwaan yang melibatkan apa-apa benda yang disita di bawah Undang-Undang Kecil ini, maka pelucuthakan atau pelepasan mana-mana benda sedemikian hanya boleh dibuat mengikut perintah mahkamah yang di hadapannya pendakwaan itu telah diadakan.

(2) Walau apa pun perenggan (1), jika dibuktikan sehingga mahkamah berpuas hati bahawa—

- (a) suatu kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini telah dilakukan; dan
- (b) mana-mana benda ialah hal perkara bagi atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu,

mahkamah hendaklah melucuthakkan benda itu walaupun tiada seorang pun telah disabitkan atas kesalahan itu.

(3) Semua benda yang dilucuthakkan di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah diserahkan kepada Pihak Berkuasa Melesen dan hendaklah dilupuskan mengikut arahan Pihak Berkuasa Melesen itu.

**Pelucuthakan jika tiada pendakwaan**

27. (1) Jika tiada pendakwaan yang melibatkan apa-apa benda yang telah disita di bawah Undang-Undang Kecil ini, maka benda itu hendaklah diambil dan disifatkan telah terlucuthak apabila tamat tempoh satu bulan kalendar dari tarikh penyitaannya melainkan jika suatu tuntutan telah dibuat baginya sebelum tamat tempoh itu mengikut cara yang dinyatakan dalam perenggan (2).

(2) Mana-mana orang yang mengatakan bahawa dia adalah pemunya apa-apa benda yang disita di bawah Undang-Undang Kecil ini dan bahawa benda itu tidak boleh dilucuthakkan boleh, sama ada sendiri atau melalui ejennya yang diberikuasa secara bertulis, memberikan notis bertulis kepada Pihak Berkuasa Melesen bahawa dia menuntut benda yang disita itu.

(3) Apabila Pihak Berkuasa Melesen menerima notis di bawah perenggan (2), dia boleh mengarahkan supaya benda itu dilepaskan dengan atau tanpa kos atau supaya perkara itu dirujuk kepada seorang Majistret.

(4) Majistret yang kepadanya rujukan dibuat di bawah perenggan (3) hendaklah mengeluarkan saman mengkehendaki—

(a) orang yang menuntut bahawa dia adalah pemunya benda yang disita; dan

(b) orang yang daripadanya benda itu disita,

hadir di hadapannya pada hari yang ditetapkan dalam saman itu.

(5) Pada hari yang ditetapkan di bawah perenggan (4), dan setelah dibuktikan bahawa saman telah disampaikan dengan sewajarnya kepada setiap orang yang disebut dalam subperenggan 4(a) dan 4(b), Majistret hendaklah terus memeriksa perkara itu, walaupun mana-mana orang itu tidak hadir.

(6) Jika, setelah selesai pemeriksaan yang dibuat di bawah perenggan (5) berkenaan dengan sesuatu benda, Majistret berpuas hati bahawa—

(a) suatu kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini telah dilakukan; dan

(b) benda itu ialah hal perkara bagi atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu,

Majistret itu hendaklah memerintahkan pelucutahan benda itu, tetapi jika Majistret tidak berpuas hati sedemikian, dia hendaklah memerintahkan supaya benda itu dilepaskan dan diserahkan kepada orang yang pada pendapatnya berhak kepada benda itu.

**Tiada kos atau ganti rugi berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan**

28. Tiada seorang pun boleh, dalam apa-apa prosiding di hadapan mana-mana mahkamah berkenaan dengan penyitaan apa-apa benda yang disita pada menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan di bawah Undang-Undang Kecil ini, berhak kepada kos prosiding itu atau kepada apa-apa ganti rugi atau relief lain.

**Kuasa menangkap**

29. (1) Pihak Berkuasa Melesen, pegawai diberi kuasa atau pegawai polis boleh menangkap tanpa waran seseorang yang melakukan di hadapannya atau yang dia dengan munasabah percaya telah melakukan suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini—

(a) jika nama atau alamat orang itu tidak diketahui olehnya dan orang itu enggan memberi nama dan alamatnya; atau

(b) jika ada sebab bagi meragukan yang nama atau alamat itu tepat.

(2) Seseorang yang ditangkap di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah ditahan dan dibawa ke hadapan Majistret dalam tempoh dua puluh empat jam melainkan jika nama dan alamatnya dapat ditentukan terlebih dahulu daripada itu.

**Kuasa untuk menutup**

